

PAS kembali terajui Kedah

Muhammad Sanusi dilantik Menteri Besar baharu

Oleh M Hifzuddin Ikhwan, Noorazura Abdul Rahman dan Nor Farhani Che Ad
bhnews@bh.com.m

Alor Setar: Pemilihan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeneri, Muhammad Sanusi Md Nor sebagai Menteri Besar Kedah Ke-14 semalam, menandakan kembalinya kepemimpinan PAS menerajui negeri Jelapang Padi.

Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kedah itu yang mengangkat sumpah jawatan di hadapan Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah pada jam 3.05 petang semalam, dianggap pilihan terbaik PAS memperkenal pemimpin pelapis selepas era pentadbiran Allahuham Tan Sri Azizan Abdul Razak.

Muhammad Sanusi, 46, adalah anak didik Azizan apabila pernah dilantik sebagai Setiausaha Politik bekas Menteri Besar itu pada 2008 hingga 2013, seterusnya berpeluang mempelajari selok-belok pentadbiran negeri secara dekat.

Beliau mengakui gaya pentadbirannya bakal mirip pentadbiran Azizan, namun masih ada perbezaan mengikut situasi semasa berikutkan kerajaan negeri kali ini tidak dianggotai DAP,

iaitu sekutu ketika era kerajaan negeri Pakatan Rakyat (PR) pada 2008 hingga 2013.

"Dulu PAS bersama DAP dalam PR, sekarang PAS bersama UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dalam Perikatan Nasional. Jadi kita perlu ada sedikit pendekatan berbeza walaupun saya anak didik Allahuham Ustaz Azizan," katanya.

Pada sidang media sulungnya selepas mengangkat sumpah jawatan, Muhammad Sanusi turut merakamkan penghargaan kepada Datuk Seri Mukhriz Mahathir serta barisan anggota EXCO kerajaan negeri terdahulu atas khidmat bakti mereka.

"Kerajaan baharu akan menjalankan pemerintahan secara berhemah, adil dan saksama kepada semua pihak, tidak akan berlaku penganiayaan atau ketidakadilan terhadap mana-mana pihak termasuk kakitangan kerajaan lantikan politik oleh kerajaan terdahulu.

"Pembangkang juga diharap terus menunjukkan kerjasama dan teladan yang baik serta konstruktif," katanya turut memberi jaminan akan bersama rakyat Kedah yang terkesan bagi menangani pasca pandemik COVID-19.

Selasa lalu, Perikatan Nasional Kedah mengumumkan pembentukan kerajaan negeri baharu selepas mendapat sokongan 23 ADUN termasuk daripada BERSATU.

Komposisi DUN Kedah kini menyaksikan PAS menguasai 15 kerusi, PKR (5), Parti Amanah



Muhammad Sanusi menerima Watikah Pelantikan Menteri Besar Kedah daripada Sultan Sallehuddin di Alor Setar, semalam.

(Foto BERNAMA)

Negara (4), BERSATU (ADUN menyokong Tan Sri Muhyiddin Yassin - 4), BERSATU (ADUN menyokong Tun Dr Mahathir Mohamad - 2), UMNO (2) dan Bebas (bekas ADUN PKR - 2).

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018, Muhammad Sanusi menang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jeneri dalam pertembungan tiga penjuruh membabitkan calon UMNO dan BERSATU.

PAS yang menjadi parti paling banyak memegang kerusi di DUN Kedah, kemudian memilih beliau menjadi Ketua Pembangkang, jawatan yang hanya dipegangnya selama kira-kira dua tahun sebelum dilantik menjadi Menteri Besar, semalam.

Muhammad Sanusi yang berasal dari Kampung Sungai Pau, Jeniang, mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu 5, Sik; Sekolah Menengah

Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani dan Universiti Sains Malaysia (USM) serta memperoleh Sarjana Muda Sastera pada 1998.

Terdahulu pada sidang media berasingan, Mukhriz mengumumkan melepaskan jawatan Menteri Besar Kedah selepas hilang sokongan majoriti ADUN, sekali gus menyaksikan keduakan semua EXCO turut gugur secara automatik.

Beliau yang juga ADUN Jitra, memaklumkan perubahan Kerajaan Persekutuan daripada PH kepada Perikatan Nasional menyebabkan perubahan kerajaan negeri di Johor, Melaka dan Perak.

"Pada awalnya, saya mengambil pendirian mengekalkan kerjasama politik bersama PH Kedah dan meneruskan kerajaan negeri dengan kepemimpinan PAS Kedah memberi jaminan



Muhammad Sanusi Md Nor

Ahli Dewan Undangan Negeri Jeneri

- **Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Universiti Sains Malaysia (1994-1998)
- **Umur :** 46 tahun
- **Isteri :** Jusmalailani Jusoh, 46
- **Anak :** 5 orang
 - : Nurul Fatihah (20)
 - : Muhammad Umar Zuhdi (18)
 - : Nur Asma' (14)
 - : Nur Hana (12)
 - : Sofea Humaira (6)

- **Jawatan politik**
 - 1. Setiausaha Politik Menteri Besar Kedah Ke-10 (2008-2013)
 - 2. AJK Kerja PAS Pusat (2015 - kini)
 - 3. AJK Lajnah Antarabangsa PAS Pusat (2017 - 2019)
 - 4. Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah (2015 - kini)
 - 5. Yang Dipertua PAS Kawasan Sik (2015- kini)

Grafik BH

mereka tidak akan mendesak ADUN PH melompat serta ber-setuju saya kekal sehingga akhir penggal.

"Pergolakan politik kepartian bagaimanapun menyebabkan dua ADUN PKR meninggalkan parti, sekali gus PH hilang majoriti sebelum empat ADUN BERSATU diarah menyokong PN di Kedah.

"Maka dengan itu, pihak lawan mempunyai 23 kerusi berbanding 13 daripada PH termasuk dua dari BERSATU," katanya sambil menambah, pihaknya tidak berhasrat memanjangkan isu ke mahkamah.